



**KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

---

**PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
(SEKSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN)  
PBT : SPBT BIL. 2/2013**

---

**GARIS PANDUAN KRITERIA PEMILIHAN AHLI MAJLIS PIHAK  
BERKUASA TEMPATAN NEGERI SELANGOR**

**1. TUJUAN**

- 1.1. Pekeliling ini bertujuan untuk menyampaikan keputusan Kerajaan Negeri mengenai pemakaian Garis Panduan Pemilihan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.

## **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1. Berdasarkan keputusan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 21/2013 yang diadakan pada 24 Julai 2013, MMKN telah menimbang dan meluluskan Kriteria Pemilihan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.
- 2.2. Garis Panduan ini digunakan sebagai rujukan bagi pemilihan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan mulai Penggal 2014/2015.

## **3. TARIKH BERKUAT KUASA**

- 3.1. Pekeliling ini berkuat kuasa dengan serta-merta mulai tarikh ia dikeluarkan.

## **4. PEMAKAIAN**

- 4.1. Semua Pihak Berkuasa Tempatan adalah diminta untuk menerima pakai Garis Panduan Kriteria Pemilihan Ahli Majlis (seperti di Lampiran ) sebagai panduan.

Sekian, terima kasih

**“TERBAIK DARIPADA KAMI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI)**  
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Tarikh: 5 September 2013



**GARIS PANDUAN KRITERIA PEMILIHAN  
AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA  
TEMPATAN NEGERI SELANGOR**

**SEKSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN UNIT  
PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR**

## 1. TUJUAN

- 1.1 Garis Panduan ini disediakan bertujuan untuk menerangkan mengenai Kriteria Pemilihan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 21/2013 yang diadakan pada 24 Julai 2013 yang telah disahkan oleh MMKN ke 22/2013 pada 31 Julai 2013 telah menimbang dan meluluskan Kriteria Pemilihan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan.

## 3. TAFSIRAN

- 3.1 Merujuk kepada Tafsiran di dalam Akta 171:

*“Ahli Majlis” berhubungan dengan sesuatu pihak berkuasa tempatan, ertinya seseorang yang dilantik di bawah Akta ini untuk berkhidmat dalam pihak berkuasa tempatan itu dan termasuklah Datuk Bandar atau Yang Dipertuannya.*

## **4 KRITERIA PEMILIHAN AHLI MAJLIS**

### **4.1 Kelayakan.**

- 4.1.1** Ahli Majlis yang dicalonkan mestilah warganegara Malaysia dan fasih berbahasa Melayu;
- 4.1.2** Had umur minimum bagi pencalonan Ahli Majlis adalah 21 tahun;
- 4.1.3** Hendaklah bermastautin di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan sekurang-kurangnya lima (5) tahun atau menetap di daerah bersebelahan;
- 4.1.4** Hendaklah bukan di kalangan kakitangan kerajaan;
- 4.1.5** Ahli Majlis yang dicalonkan untuk dilantik hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai kelayakan akademik minimum Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
- 4.1.6** Calon perlu menduduki dan lulus ujian asas yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemilihan;

## 4.2 Pengalaman.

- 4.2.1 Ahli Majlis yang dicalonkan hendaklah mempunyai pengalaman luas dalam hal ehwal kerajaan tempatan; atau
- 4.2.2 Telah memperoleh kejayaan terpuji dalam sesuatu profesion, perdagangan atau perindustrian, ataupun yang mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan komuniti mereka dalam kawasan pihak berkuasa tempatan itu.

## 4.3 Tempoh Perkhidmatan:-

- 4.3.1 Tempoh perkhidmatan seseorang Ahli Majlis tidak boleh lebih daripada empat (4) tahun atau dua (2) penggal berturut-turut; dan
- 4.3.2 50% daripada jumlah Ahli Majlis yang sedang berkhidmat lebih daripada empat (4) tahun atau dua (2) penggal berturut-turut di setiap Pihak Berkuasa Tempatan adalah layak untuk dilantik semula.

#### 4.4 Pembahagian kuota:-

- 4.4.1 Pembahagian kuota adalah 75% daripada calon parti (PAS, DAP dan PKR) manakala 25% adalah daripada calon NGO;
- 4.4.2 Pencalonan nama bagi pengisian kuota NGO hendaklah daripada organisasi yang berdaftar di bawah mana-mana Akta atau Enakmen. Calon NGO tersebut hendaklah seorang yang dicadangkan oleh organisasi berkenaan; dan
- 4.4.3 Minimum 30% daripada keseluruhan jumlah Ahli Majlis yang dilantik hendaklah dikalangan wanita.

#### 5. URUSAN PENTADBIRAN PENCALONAN AHLI MAJLIS.

5.1 Ahli Majlis yang dicalonkan hendaklah mengisi borang pencalonan Ahli Majlis serta mengemukakan maklumat tersebut:-

- i) Borang Pencalonan Ahli Majlis;
- ii) Salinan Kad Pengenalan;
- iii) Salinan Sijil-sijil berkaitan; dan
- iv) Akuan Berkanun : tidak bankrap, tiada rekod jenayah dan tiada rekod rasuah.

(Rujuk Lampiran 1)

# LAMPIRAN 1



## SENARAI SEMAK

Sila tandakan  pada ruangan kotak dibawah.

BORANG PENCALONAN AHLI MAJLIS NEGERI SELANGOR (BIODATA DIRI)

SALINAN KAD PENGENALAN

SALINAN SIJIL-SIJIL BERKAITAN

AKUAN BERKANUN CALON AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN





## BORANG PENCALONAN AHLI MAJLIS NEGERI SELANGOR

### BIODATA DIRI

Gambar

### MAKLUMAT DIRI

Nama : Warganegara :  
No. IC : Tarikh Lahir :  
Alamat : Tempat Lahir :  
Emel : Tel (hp) :  
Jantina : Status :  
Lesen Memandu:

### LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

#### Pendidikan Tertinggi

Tahap :	Tahap :	Tahap :
Institusi :	Institusi :	Institusi :
CGPA :	CGPA :	CGPA :

**Pendidikan Rendah/Menengah**

**(Rendah)**

**(Menengah)**

Tahap :	Tahap :
Sekolah :	Sekolah :
Keputusan :	Keputusan :

\* Sila lampirkan sijil-sijil berkenaan

**KEMAHIRAN**

Bahasa :

:

Komputer :

Kemahiran :

**PENGLIBATAN AKTIVITI KEMASYARAKATAN (CBO/NGO/KEAGAMAAN)**

Nama Persatuan :

Tahun Penglibatan :

Aktiviti yang dijalankan :

Nama Persatuan :

Tahun Penglibatan :

Aktiviti yang dijalankan :

Nama Persatuan :

Tahun Penglibatan :

Aktiviti yang dijalankan :

\* Sila lampirkan maklumat di halaman lain dan sijil-sijil berkenaan jika ruangan tidak mencukupi

## PENGALAMAN KERJA

Nama Syarikat :

Tempat :

Tempoh :

Jawatan :

Nama Syarikat :

Tempat :

Tempoh :

Jawatan :


## PENCADANG / PENYOKONG

Nama Pencadang :

Jawatan :

☎ No. Tel :

Organisasi :




Cop Rasmi Organisasi

Nama Penyokong :

Jawatan :

☎ No. Tel :

Organisasi :



Cop Rasmi Organisasi

## SURAT AKUAN BERKANUN

Rujuk Lampiran 1

**AKUAN BERKANUN  
CALON AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SELANGOR**

Saya, ..... No. K/P ..... yang beralamat di ..... dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa :

1. Saya adalah berkelayakan mengikut subseksyen 10(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] untuk dipilih sebagai seorang Ahli Majlis bagi Majlis .....
2. Saya mengaku bahawa saya adalah seorang yang :-
  - 2.1 sempurna akal;
  - 2.2 bukan seorang bankrap;
  - 2.3 tidak memegang jawatan berpendapatan mengikut Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan;
  - 2.4 bermastautin di kawasan yang saya dicalonkan; dan
  - 2.5 tidak pernah terlibat dalam perbuatan rasuah atau disabitkan kesalahan rasuah atau apa-apa kesalahan lain oleh mana-mana Mahkamah.

Saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar dan menurut Akta Akuan Berkanun 1960 dan sekiranya didapati mana-mana perkara yang dinyatakan di atas tidak benar, maka saya boleh dilucutkan jawatan sebagai Ahli Majlis oleh Pihak Berkuasa Negeri pada bila-bila masa.

Dibuat dan dengan sebenar-benarnya diakui oleh yang tersebut namanya  
iaitu .....  
di .....  
Negeri .....  
pada .....

.....  
Tandatangan calon

Di hadapan saya,

.....  
Tandatangan Hakim, Majistret atau  
Pesuruhjaya Sumpah